



UMP tumpuan peminat sukan berbasikal *UMP Funride*

Lebih 300 peserta dalam kalangan peminat sukan berbasikal berkayuh sejauh 70 kilometer sekitar Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan dan kampung berhampiran seperti Tanjung Gosong, Pantai Sepat, Kempadang, Jalan Utama Kuantan Pekan, Tanah Putih dan berakhir di kampus UMP pada 29 Mei 2016 yang lalu.

Penganjuran program *UMP Funride* yang julung kali diadakan anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan kerjasama Adham Bike Centre (ABC) serta syarikat lain termasuk 100 Plus, Nestle dan Pengurusan Air Pahang.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman Haji Safie, program bertujuan mempromosi UMP Pekan kepada masyarakat di samping dapat menarik mereka menikmati keindahan kampus dan beberapa lokasi menarik di sekitar Pekan ini.

"Penglibatan peserta luar yang terdiri dari pihak Edubike Club, Forbearing Cycling Team, Galing Cycling Club dan Lipat Kayuh Team memberi peluang peserta menjalinkan hubungan baik dengan

peminat sukan berbasikal peserta yang datang bukan sahaja sekitar negeri Pahang malahan dari negeri Terengganu dan Pulau Pinang.

"Pada masa yang sama, menerusi program ini masyarakat sekeliling dapat merasai kewujudan UMP yang juga mempunyai kampus di Kuala Pahang," katanya.

Manakala Pengarah Program, Nor Azazi Mamat berkata, *UMP Funride* ini berkonsepkan kayuhan santai dan terdapat juga peserta kanak-kanak yang berumur seawal 11 tahun.

Menjayakan program, bantuan seramai 33 orang marshall dari Auto Speed Owners Club (ASOC) yang banyak membantu melancarkan perjalanan program.

Bagi majlis pelepasan kayuhan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan sesi penyampaian hadiah cabutan bertuah telah disampaikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP Pekan.